

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Pengenalan

Dalam bab ini dapatan kajian akan dibincangkan mengikut analisis yang telah dibuat dan berdasarkan soalan kajian.

Data Demografi Responden

Sebanyak 70.5% (55) responden dari sekolah kajian adalah terdiri daripada guru wanita manakala bakinya adalah guru lelaki [29.5%, (23)]. Jika dilihat dari segi komposisi jantina guru-guru sampel, didapati bahawa bilangan guru lelaki dengan guru wanita adalah tidak seimbang. Hoyle (1969), berpendapat kecemerlangan dalam pendidikan boleh dicapai antaranya ialah jika terdapatnya keseimbangan bilangan guru lelaki dengan guru perempuan.

Dari segi umur responden, didapati sebanyak 58.9% (46) orang guru adalah berumur antara 30 hingga 39 tahun dan sebanyak 30.8% (24) orang guru adalah berumur lebih dari 39 tahun. Agne (1994), dari kajiannya keatas tokoh-tokoh guru tahunan (Teacher Of The Year) mendapati guru akan mempunyai prestasi kerja yang tinggi ketika berada dalam tempoh perkhidmatan antara 6 – 15 tahun yang pertama dalam

perkhidmatannya. Di Malaysia, kebanyakan guru-guru lepasan ijazah pertama memulakan perkhidmatan mereka pada umur 24 tahun, jika umur permulaan ini dikaitkan dengan lapanan Agne, bermakna tempoh kerja prestasi cemerlang guru adalah pada umur antara 30 hingga 39 tahun dan ia adalah bersesuaian dengan umur kebanyakan guru di sekolah cajian ini.

Kelulusan akademik adalah penting dalam kerjaya sebagai guru. Sebanyak 85.9% guru adalah berkelulusan ijazah pertama. Kajian oleh Riley (1984 : 41), mendapati tahap kelulusan guru mempunyai kaitan dengan tahap penglibatan guru di sekolah dan Hoyle (1996 : 55), menyatakan kelulusan guru akan mempengaruhi orang lain tentang cara ia akan melihat dan menjangka bentuk peranan seseorang guru itu. Jadi dengan ramainya guru siswazah di sekolah-sekolah kajian, maka dijangkakan sekolah ini akan boleh berkesan dan cemerlang.

Dari segi pengalaman mengajar, sebanyak 35.9% guru mempunyai pengalaman mengajar antara 5 hingga 9 tahun dan 43.6% guru-guru mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun. Menurut Riley (1984 : 40), guru-guru yang berada dalam lingkungan tempoh perkhidmatan 5 hingga 12 tahun akan merasakan kekurangan dari segi penyempurnaan diri, oleh itu dalam tempoh ini mereka akan menjadi guru yang paling aktif melibatkan diri di sekolah untuk memenuhi keperluan diri yang dirasakan kurang tadi. Oleh kerana sebahagian besar guru sekolah-sekolah kajian adalah berada dalam lingkungan tempoh perkhidmatan ini maka sekolah kajian ini boleh mendapat manfaatnya.

Kapasiti Kepimpinan Guru Yang Terdapat Di Sekolah Kajian.

Dimensi kapasiti kepimpinan guru didapati wujud dengan tahap yang tinggi di sekolah kajian. Bagi ciri-ciri “Penglibatan secara luas dalam kerja kepimpinan”, “penggunaan maklumat berdasarkan ‘inquiry’ untuk menyatakan perkongsian keputusan dan amalan” dan “peranan dan tanggungjawab yang menunjukkan penglibatan dan kerjasama yang luas” didapati ketiga-tiganya mempunyai nilai min yang sederhana iaitu dalam julat 2.10 – 3.00. Ini bermakna ciri-ciri ini belum kukuh diamalkan di sekolah kajian dan ianya hanya ‘kerapkali’ dilakukan oleh guru di sekolah mereka. Bagi ciri-ciri “penglibatan secara mahir dalam tugas kepimpinan”, “amalan refleksi atau inovasi sebagai suatu kebiasaan”, dan “pencapaian pelajar yang tinggi” nilai min yang didapati adalah tinggi. Ini bermaksud guru-guru mengamalkan ciri-ciri ini di sekolah mereka secara berterusan. Walau bagaimana pun secara keseluruhannya tahap dimensi kapasiti kepimpinan guru di sekolah kajian adalah tinggi

1. Penyertaan Secara Meluas Dalam Kerja-Kerja Kepimpinan

Kekuatan amalan “penyertaan secara meluas dalam kerja-kerja kepimpinan di sekolah kajian adalah pada tahap sederhana (min = 2.97). Dalam ciri ini, item-item “bekerja secara berkumpulan”, “berkongsi kuasa dan sumber dengan guru lain secara meluas di dalam bidangnya”, dan juga “melibatkan orang lain untuk memimpin”, telah menunjukkan tahap amalan yang mantap kecuali item “membantu dalam mewujudkan interaksi yang kukuh antara warga sekolah dengan komuniti” yang mana tahap

amalannya di sekolah kajian adalah rendah sedangkan penglibatan komuniti dengan sekolah adalah sangat penting. Menurut Sergiovani (1991), kepimpinan sekolah wajar membuat penilaian terhadap kehendak komuniti kepada sekolah dan hubungan kepentingannya kepada sekolah. Dalam hal ini keberkesanan sekolah akan meningkat jika ibu bapa mereka secara aktif melibatkan diri dalam membantu sekolah. Pihak sekolah boleh melibatkan penyertaan komuniti dengan cara menjemput mereka untuk terlibat dalam membina polisi dan membuat beberapa keputusan sekolah. Ini dibuktikan oleh kajian oleh Noah dan Micheal (1994), iaitu sokongan komuniti terhadap matlamat dan polisi dapat meningkatkan keberkesanan sekolah.

2. Penyertaan Secara Mahir Dalam Kerja-Kerja Kepimpinan

Dari kajian didapati tahap amalan penyertaan secara mahir guru-guru dalam kerja-kerja kepimpinan di sekolah kajian adalah tinggi. Kemahiran-kemahiran ini melibatkan guru bertindak sebagai model, menjelas dan menunjukkan kemahiran-kemahiran seperti membina matlamat bersama dan dikongsi bersama, pemudah cara proses bekerja secara berkumpulan, berkomunikasi, amalan bekerjasama dan merancang aktiviti bidang, dan menyelesaikan masalah dengan rakan dan pelajar. Dapatkan menunjukkan bahawa tahap amalannya di sekolah kajian adalah tinggi iaitu dilakukan secara berterusan. Walau bagaimanapun didapati guru-guru di sekolah kajian secara ‘kadang-kadang’ sahaja mengambil tahu isu dan masalah yang dihadapi oleh komuniti sekolah, membuat refleksi terhadap amalan, menguruskan konflik dikalangan rakan dewasa, dan menguruskan

ovasi dan transisi dalam unit bahagiannya di sekolah. Ini bermakna tahap amalan ciri ini di sekolah kajian adalah sederhana.

3. Maklumat Berasaskan ‘Inquiry’ Untuk Menyatakan Perkongsian Keputusan dan Amalan.

Guru-guru di sekolah kajian kurang melakukan ciri ini di sekolah mereka. Didapati malan dari ciri ini adalah di tahap yang sederhana iaitu antara ‘kadang-kadang’ dan ‘kerapkali’ mereka melakukannya di sekolah. Ini bermakna guru-guru kurang menggunakan maklumat yang berdasarkan ‘inquiry’ iaitu yang melibatkan komunikasi, pembinaan perancangan dan penjadualan, mengenalpasti dan pentafsiran data, dan juga membuat keputusan berdasarkan data di sekolah mereka. Oleh itu penglibatan guru dalam pembuatan keputusan berdasarkan ‘inquiry’ di sekolah mereka adalah perlu ditingkatkan dan diperkuuhkan. Sekolah perlu membuat keputusan sendiri yang berdasarkan bukti dan maklumat yang mana ianya adalah berpusatkan sekolah. Keputusan yang berpusatkan sekolah adalah penting dalam menentukan matlamat sekolah untuk keberkesanan sekolah. Menurut Sirotnik & Clark (1988), pembuatan keputusan berpusatkan sekolah adalah juga dikenali sebagai “site-base management” dan menurut mereka lagi untuk melakukan pembuatan keputusan ini adalah memerlukan penglibatan guru yang kuat dalam membuat keputusan mengenai struktur dan program di sekolah mereka.

4. Peranan dan Tanggungjawab Yang Menunjukkan Penglibatan dan Kolaborasi Yang Meluas.

Guru-guru sampel di sekolah kajian menjadikan ciri ini sebagai amalan di sekolah mereka dengan meluas. Dari kajian didapati secara keseluruhannya tahap amalan ciri ini adalah tinggi. Guru-guru telah melakukan dengan berterusan perkara seperti menghayati peranan diri dalam memberi perhatian terhadap bilik darjah, sekolah, komuniti dan profession tetapi guru-guru kurang melibatkan dalam tugas membentuk strategi bagi memastikan tanggungjawab dikongsi bersama untuk melaksanakan apa yang telah dipersetujui bersama oleh komuniti sekolah kerana didapati amalannya adalah pada tahap sederhana. Dalam konteks kepimpinan guru, amalan kolaborasi yang boleh membawa kepada sekolah kolaboratif adalah sederhana amalannya di sekolah kajian. Ciri ini perlulah dibangunkan dan di perluaskan. Little (1982), telah memberikan panduan untuk membangunkan amalan ini disekolah iaitu dengan memberikan ciri-ciri guru di sekolah kolaboratif seperti berikut;

- i. Guru terikat dengan kerapkali dan berterusan mengadakan perbincangan berkenaan amalan pengajaran mereka.
- ii. Guru-guru kerapkali dicerap dan diberikan kritikan yang membina tentang pengajarannya.
- iii. Guru-guru merancang, mereka bentuk, mengkaji, menilai, dan membuat persediaan mengajar secara bersama.

- iv. Guru-guru saling bantu-membantu antara satu dengan lain untuk meningkatkan pengajaran.

Kesimpulannya guru di sekolah kajian melihat diri mereka sebagai fasilitator bagi pembelajaran dewasa, dan juga melibatkan diri sebagai agen perubahan dan perancang inovasi di sekolah.

5. Amalan Refleksi Atau Inovasi Sebagai Suatu Norma

Tahap amalan refleksi di sekolah kajian adalah pada tahap tinggi. Ini bermakna guru sekolah kajian telah menggalakkan usaha-usaha individu dan usaha kumpulan, mengamalkan dan menyokong sebarang inovasi, dan menggalakkan inovasi yang dibina secara kolaboratif di sekolah mereka secara berterusan.

6. Pencapaian Yang Tinggi Oleh Pelajar.

Dapatan menunjukkan ciri “pencapaian yang tinggi oleh pelajar” menunjukkan nilai purata min yang tinggi, oleh itu tahap amalannya adalah tinggi di sekolah. Guru-guru sampel telah melakukan usaha untuk pencapaian pelajar yang tinggi secara berterusan di sekolah mereka. Guru juga telah melakukan secara berterusan kerjasama dengan komuniti sekolah untuk mencapai keperluan dan kehendak manusia masa kini. Dari segi merekabentuk , mengajar, melatih, dan mentafsir kurikulum pengajaran dan penilaian yang dibuat dengan berasaskan prestasi pelajar, kajian menunjukkan bahawa bahawa

sekolah kajian melakukannya secara berterusan. Selain itu guru-guru juga kukan tugas memberikan maklumbalas yang sistematik kepada pelajar dan ibubapa ng kemajuan pelajar, menerima maklumbalas tentang jangkaan pembelajaran anak keluarganya, merangka semula peranan dan struktur untuk membolehkan sekolah ibangunkan resiliensi pelajar disekolah, dan dapatan kajian menunjukkan bahawa melakukannya secara berterusan. Kesimpulannya didapati bahawa kapasiti mpinan guru adalah wujud di sekolah kajian dan kewujudannya adalah pada tahap tinggi.

pasiti Kepimpinan Sekolah Yang Terdapat Di Sekolah Kajian

Dalam dimensi kapasiti kepimpinan sekolah, didapati tahap kewujudannya di olah kajian adalah tinggi kerana semua ciri yang dikaji telah menunjukkan nilai purata n yang tinggi oleh itu tahap kewujudan kapasiti sekolah di sekolah-sekolah kajian alah tinggi. Kelima-lima ciri itu ialah penyertaan secara luas dan mahir dalam kerja- rja kepimpinan, penggunaan maklumat berdasarkan ‘inquiry’ untuk mendapatkan rkongsian keputusan dan amalan, peranan dan tanggungjawab yang menunjukkan nglibatan dan kolaborasi yang luas, amalan refleksi atau inovasi sebagai suatu ebiasaan, dan pencapaian pelajar yang tinggi.

. Penyertaan secara luas dan mahir dalam kerja-kerja kepimpinan.

Sebahagian besar guru sekolah kajian telah menunjukkan penyertaan secara neluas dan mahir dalam kerja-kerja kepimpinan. Mereka telah menunjukkan penyertaan secara meluas, melaksanakan kerja-kerja secara bekerjasama, mewujudkan interaksi yang maksimum dikalangan guru dan pelajar. Ini bermakna kumpulan guru-guru sampel telah melakukannya secara mantap di sekolah mereka. Pelajar dan ibu bapa juga dilibatkan dalam kerja-kerja kepimpinan. Seterusnya guru-guru sampel telah berkongsi sumber maklumat secara meluas, dan juga memberi peluang kepada setiap orang lain untuk memimpin dan kesannya ialah kepimpinan sekolah menjadi kuat dan mahir. Dengan penyertaan secara meluas terhadap kerja-kerja kepimpinan ini maka komuniti kepimpinan di sekolah dapat dibangunkan. Barth (1990 : 46), menjelaskan adalah menjadi tanggungjawab pengetua untuk membangunkan “komuniti kepimpinan” sebagai pasukan pengurusan dan pentadbiran di sekolah. Barth juga mencadangkan cara berikut untuk membangunkan komuniti kepimpinan di sekolah iaitu ;

- Menyampaikan visi sekolah dengan jelas.
- Berkongsi kuasa dengan guru.
- Melibatkan professional dalam membuat keputusan sekolah.
- Menjelaskan tanggungjawab.
- Berkongsi tanggungjawab.
- Memberikan guru kredit untuk maju.

terusnya dengan membina pasukan pengurusan ini ia dapat membantu pengetua semula pentadbiran sekolah dan dapat mewujudkan kerja-kerja secara aktif dan juga ia dapat mengelakkan guru dari bekerja secara berasingan dan singan, dan diantara kelebihannya juga ialah dapat memecahkan jurang diantara pengurusan dengan guru (Lieberman ,1988). Kesimpulannya dapatan kajian ukkan bahawa tahap ciri penyertaan secara luas dan mahir dalam kerja-kerja ini di sekolah kajian adalah tinggi. Dapatan ini juga menunjukkan yang ini sekolah telah melibatkan guru dan ibu bapa secara luas dalam kerja-kerja ini maka ini akan mewujudkan kemahiran dalam kerja kepimpinan di sekolah

gunaan maklumat berdasarkan ‘inquiry’ untuk mendapatkan perkongsian isan dan amalan.

Dari kajian didapati tahap amalan ciri ini di sekolah kajian adalah tinggi dan guru sedang melakukan kemajuan terhadap amalan menggunakan maklumat berdasarkan ‘inquiry’ untuk mendapatkan pembuatan keputusan di sekolah. Ini bermakna semua item ini ciri ini adalah dilakukan oleh pasukan pimpinan sekolah kajian sebagai amalan di antara mereka. Item-item itu ialah amalan pembelajaran yang melibatkan penilaian la, memastikan pembelajaran berlaku disetiap aktiviti yang dilakukan, mengaitkan ini pembelajaran kepada matlamat belajar dan mengajar menggunakan maklumat dan untuk membuat keputusan terhadap amalan pengajaran, dan membentuk sistem umat yang membolehkan semua orang diberitahu. Menurut Aubrey dan Cohen

(1995), dalam sekolah pembelajaran pentadbir dan guru wajar belajar bersama dengan berkongsi data dan mempelajari daripada data itu dan seterusnya pembelajaran bersama ini boleh dipindahkan kepada tindakan bersama. Kesimpulannya tahap amalan pembuatan keputusan dengan berdasarkan ‘inquiry’ adalah tinggi di sekolah ini dan maklumat itu didapati samada dari dalam atau luar sekolah.

3. Peranan dan tanggungjawab yang menunjukkan penglibatan dan kolaborasi yang meluas

Penglibatan dan kolaborasi guru-guru sampel di sekolah adalah pada tahap tinggi Amalan ini adalah penting di sekolah dan guru-guru sampel telah menjadikan ciri ini sebagai amalan yang mantap di sekolah mereka. Guru-guru melibatkan diri secara mantap terhadap “peranan mereka dalam memberikan penumpuan kepada kelas, sekolah, masyarakat dan kerjaya” dan guru juga “berkongsi tanggungjawab dalam mengimplementasikan keputusan dan persetujuan yang dibuat bersama”. Ini bermakna terdapatnya kepimpinan secara “participatory” dan kepimpinan kolaboratif di sekolah dan juga pengagihan tugas berlaku disini. Menurut Hoerr (1996), kepimpinan “participatory” adalah menghargai semua kepakaran dari semua bidang dalam organisasi dan menurut Fullan (1991 : 161), pula kepimpinan kolaboratif ialah di mana pengetua bekerja bersama-sama guru untuk membentuk sekolah sebagai tempat kerja yang berkait dengan matlamat yang dikongsi bersama, kolaborasi guru, peluang pembelajaran guru, dan komitmen guru. Seterusnya agihan tugas dalam kerja akan dapat mengagihkan fungsi-fungsi yang kritikal kepada orang yang berupaya untuk menyelesaikannya (Glatthorn dan

fewberg, 1984). Bernd (1992), berpendapat ia boleh menjadi sebagai alat yang berkesan epada staf untuk menumpukan kepada fokus pencapaian pelajar.

Kesimpulannya tahap penglibatan dan kolaborasi oleh kepimpinan sekolah di sekolah kajian adalah tinggi. Sebagai satu kumpulan, maka peranan pemimpin di sekolah ini adalah meliputi juga peranan untuk pembangunan professional guru-guru, dan sebarang tindakan guru di sekolah adalah dilakukan secara kolaboratif dan terbuka.

4. Amalan refleksi atau inovasi sebagai suatu norma

Pasukan pimpinan sekolah kajian telah menjadikan amalan refleksi atau inovasi sebagai satu amalan berterusan di sekolah mereka. Dapatan kajian menunjukkan tahap amalan ini adalah tinggi di sekolah dan telah mantap dilakukan di sekolah mereka. Pasukan kepimpinan sekolah senentiasa memastikan berlakunya kitaran pembelajaran yang melibatkan masa dan tempat untuk meneruskan amalan refleksi yang sedang berlaku, menunjuk cara dan memberikan galakan kepada daya usaha individu dan kumpulan dengan menyediakan kemudahan sumber, personel dan masa, mengamal dan membantu inovasi, dan membangunkan kriteria untuk memantau, mentaksir kerja yang dilakukan secara individu dan juga secara kumpulan. Kesimpulannya guru di sekolah kajian memperuntukan masa untuk mengadakan perbincangan tentang bidang kerja mereka dan saling belajar dan mengajar sesama mereka.

5. Pencapaian pelajar yang tinggi

Pasukan pimpinan sekolah kajian menjadikan pencapaian pelajar yang tinggi sebagai matlamat penting sekolahnya. Dari kajian, didapati kewujudannya adalah pada tahap tinggi dan kesemua spesifikasi dalam ciri ini juga telah menunjukkan amalan pada tahap yang tinggi. Guru-guru mengadakan kerjasama secara mantap dalam komuniti sekolah untuk menghadapi cabaran dan memenuhi kehendak manusia dimasa depan. Amalan mereka dalam merekabentuk, mengajar, melatih dan menilai kurikulum dan prosesnya adalah juga mantap demi untuk memastikan semua pelajar dapat belajar dengan berkesan.

Sebagai kesimpulannya kewujudan kapasiti kepimpinan sekolah di sekolah kajian adalah tinggi dan ini benar seperti dapatan kajian oleh Rahimah dan Zulkifli (1999), iaitu kapasiti kepimpinan di sekolah berkesan adalah tinggi.

Hubungan antara kapasiti kepimpinan sekolah dan kapasiti kepimpinan guru di sekolah berkesan yang dikaji.

Tahap kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah disekolah berkesan yang dikaji adalah tinggi. Kajian keatas hubungan kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah mendapati pekali korelasi r yang diperolehi ialah sederhana iaitu .569. Ini juga menunjukkan bahawa kapasiti kepimpinan guru adalah mempunyai hubungan positif dengan kapasiti kepimpinan sekolah. Jika kapasiti kepimpinan guru

adalah tinggi maka kapasiti kepimpinan sekolah juga bertendensi untuk tinggi. Dapatan ini ada relevannya dengan dapatan oleh Jennifer et al., (1995), iaitu beliau menyatakan pembinaan kapasiti guru adalah saling bergantung dengan unit atau jabatan di sekolah dan daerah.

Kesimpulan

Kapasiti kepimpinan guru adalah wujud di sekolah berkesan yang dikaji dan tahap amalan kapasiti kepimpinan guru ini adalah tinggi. Dengan kewujudan dan nilai amalannya yang tinggi, maka ini bermakna guru-guru sekolah berkenaan telah menunjukkan komitmen kerja yang tinggi dan ini adalah akibat daripada kepimpinan yang dilakukan secara kolaboratif seperti yang dilakukan di sekolah kajian. Dari segi ciri-ciri kepimpinan guru didapati purata min kebanyakan ciri adalah tinggi iaitu menunjukkan guru melakukannya secara berterusan di sekolah kecuali ciri penglibatan secara luas dalam kerja kepimpinan, penggunaan maklumat berdasarkan “inquiry” dan peranan dan tanggungjawab yang menunjukkan kerjasama yang luas yang mana berada pada tahap amalan yang sederhana.

Dari kajian juga didapati kewujudan kapasiti kepimpinan sekolah di sekolah kajian adalah pada tahap tinggi. Guru-guru sampel menunjukkan penyertaan secara luas dan mahir dalam tugas kepimpinan, guru juga menggunakan ‘inquiry-based’ dalam membuat keputusan, menunjukkan tanggungjawab dan kerjasama yang tinggi, membuat refleksi dan mementingkan pencapaian pelajar yang tinggi.

Tahap kapasiti kepimpinan guru dan kepimpinan sekolah disekolah kajian adalah tinggi tetapi boleh ditingkatkan lagi. Dari kedua-dua dimensi kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah didapati tiada ciri kapasiti kepimpinan yang rendah di sekolah. Dapatan menunjukkan tiada item dari kapasiti kepimpinan guru yang ditahap ‘tidak dilakukan di sekolah’, sebaliknya kebanyakannya respon adalah menumpu kepada ‘kerap kali’ dan ‘berterusan melakukannya’. Namun begitu kapasiti kepimpinan guru ini tidak mencapai kepada tahap amalan tertinggi iaitu ‘boleh mengajar orang lain’. Bagi kapasiti kepimpinan sekolah juga tiada respon daripada ‘kami tidak melakukannya’ tetapi juga tidak mencapai kepada ‘kami telah memperkuuhkan amalan’ iaitu amalan itu.

Seterusnya analisis keatas hubungan kedua-dua kapasiti kepimpinan didapati pekali korelasi yang diperolehi adalah positif iaitu .569, ini bermakna hubungan antara kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah adalah hubungan yang positif tetapi sederhana. Ini bermaksud terdapatnya pertalian antara kedua-dua dimensi, iaitu dimensi kepimpinan guru dan kepimpinan sekolah. Hubungan ini juga menggambarkan bahawa untuk menjadikan sesebuah sekolah itu berkesan maka kedua-dua kapasiti kepimpinan ini haruslah dibentuk dan dibangunkan bersama kerana keduanya adalah saling berkait antara satu dengan lain.

Rumusan

Sebagai rumusan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah adalah wujud di sekolah kajian dan kewujudannya

juga adalah tinggi di sekolah kajian. Dapatan juga menunjukkan terdapatnya hubungan yang positif antara kapasiti kepimpinan guru dengan kapasiti kepimpinan sekolah di sekolah kajian. Walau bagaimanapun kekuatan kewujudan kedua-dua kapasiti kepimpinan ini adalah belum mencapai ketahap sangat tinggi. Begitu juga hubungan korelasi yang ditunjukkan antara kedua-dua dimensi kepimpinan ini adalah hanya pada tahap korelasi sederhana sahaja.

Cadangan-Cadangan

Satelah menjalankan kajian dan membuat analisis terhadap dapatan kajian, didapati bahawa kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah wajar diperkuuhkan di sekolah untuk mencapai sekolah berkesan. Berikut adalah beberapa cadangan yang diharap akan mendapat pertimbangan dan juga untuk dibuat kajian lanjut berkenaan kapasiti kepimpinan, dan juga mendapatkan penemuan yang boleh menambahkan lagi keberkesanan sekolah dan juga supaya konsep kapasiti kepimpinan ini akan menjadi satu asas penting dalam membina sekolah berkesan. Cadangan-cadangan itu ialah;

1. Kewujudan kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah di sekolah kajian adalah pada tahap ‘tinggi’ tetapi boleh dipertingkatkan lagi. Salah satu cara untuk meningkatkan tahap kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah ialah dengan menjadikan dapatan dan instrument kajian ini sebagai panduan.

2. Pengkaji telah membuat kajian keatas dua buah sekolah menengah kebangsaan sahaja maka untuk kajian berikutnya wajar melibatkan bilangan sekolah yang lebih besar supaya bilangan sampel menjadi lebih besar serta diperluaskan lagi kepada semua sekolah bantuan kerajaan samada sekolah rendah, menengah dan sekolah swasta supaya dapatan kajian adalah konklusif untuk dibuat generalisasi.
3. Stail kepimpinan pengetua adalah penting terhadap keberkesanan sekolah. Kajian juga perlu dibuat terhadap hubungan stail kepimpinan pengetua dengan kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah. Ini bertujuan supaya dapat dilihat sejauh mana faktor stail kepimpinan pengetua memberi kesan terhadap kewujudan dan kekuatan kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah.
3. Kajian juga perlu dilakukan untuk melihat bagaimana faktor demografi guru seperti umur, jantina dan pengalaman mengajar boleh mempengaruhi kekuatan kewujudan kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah. Kajian perlu dilakukan untuk melihat sejauh mana faktor ini terlibat dalam memperkuuhkan kedua-dua kapasiti kepimpinan ini.
4. Kajian juga perlu dilakukan untuk melihat bagaimana faktor-faktor motivator dan “hygiene” dapat mempengaruhi dan membentuk kekuatan kewujudan kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah dalam kontek sekolah yang berkesan.

5. Adalah wajar dilakukan kajian untuk melihat sejauh mana kekuatan kewujudan kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah di sekolah diantara sekolah rendah jenis kebangsaan (SRJK) dengan sekolah rendah kebangsaan (SRK).